TEKNOLOGI WORKSYOP





MAZLAN BIN OMAR

SAU10172
TEKNOLOGI WORKSYOP

MAZLAN BIN OMAR

Kolej Komuniti Pekan

Published by;

KOLEJ KOMUNITI PEKAN
JALAN PEKAN-KUANTAN
PERAMU JAYA
26600 PEKAN
PAHANG DARUL MAKMUR

Penulis : Mazlan bin omar
Pensyarah Utama
Kolej Komuniti Pekan

Moderator : Ts Muhd. Azmir bin Abdullah
Ketua Program Sijil Automotif
Kolej Komuniti Pekan

Ir Ts Mohd Ridhuan bin ismail
Ketua Unit Pembangunan Teknologi
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Copyright ©2022, by Kolej Komuniti Pekan

Materials published in this book under the copyright of Kolej Komuniti Pekan. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by means, electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise or stored in a database or retrieval system without the prior written permission of the publishers.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
Isi kandungan	i
Prakata	ii
Teknologi Worksyop	1
Nama Kursus	2
Sinopsis	2
Course Learning Outcomes	2
Kandungan Kursus	2
1 : Keselamatan Pengendalian Bengkel	3
Pengenalan	4
Keselamatan Diri Sendiri	4
Punca Kemalangan	9
Bahaya Elektrik	10
Pertolongan Cemas	12
Pengelolaan Bengkel	15
2 : Peralatan Tangan	17
Pengenalan	18
Jenis-Jenis Peralatan Tangan	19
3 : Peralatan Bengkel	39
Tujuan Utama Penggunaan Peralatan Bengkel	40
Pecahan Jenis-Jenis Peralatan Bengkel	40
Mesin Kimpalan	42
4 : Kerja Mengegas	50
Lakaran Lukisan Geometri	51
Proses Utama Dalam Kerja Menggegas	52
Kerja Membenang Dalam	55
Rujukan	68

PRAKATA

Segala puji bagi Tuhan atas izin-Nya buku **Teknologi Worksyop** ini berjaya diterbitkan. Buku ini disusun khusus untuk memenuhi keperluan silibus pelajar Sijil Teknologi Automotif, dengan matlamat merapatkan jurang antara teori akademik dan amalan industri.

Dunia automotif kini berkembang pesat dengan teknologi hibrid dan elektrik. Namun, penguasaan asas kerja bengkel tetap menjadi tunjang utama bagi setiap bakal mekanik dan juruteknik. Buku ini menekankan aspek keselamatan, penggunaan alatan tangan, serta prosedur penggunaan peralatan bengkel yang betul mengikut piawaian semasa. Buku ini bertujuan untuk menjadi garis panduan kepada pelajar untuk mempelajari dan mendapatkan input ilmu teori dan praktikal dalam pengendalian bengkel. Pengetahuan teori yang terkandung dalam buku ini, bertindak sebagai taklimat awal untuk memulakan tugas pratikal.

Mazlan bin Omar



TEKNOLOGI WORKSYOP

NAMA KURSUS

Teknologi Worksyop

SINOPSIS

Kursus Teknologi Woksyop direka bentuk untuk melatih pelajar mengenai teknologi woksyop dengan mempraktikkan gerak kerja amali sebenar. Pelajar dilatih melakukan kerja mengendalikan bengkel dalam aspek amalan keselamatan dan pengendalian bengkel, peralatan tangan, kerja menggegas dan pengikat berulir.

COURSE LEARNING OUTCOMES

Upon completion of this course, students should be able to:

1. CLO1 - Membincangkan mengenai keselamatan, peralatan dan kelengkapan bengkel automotif. (C2, PLO1)
2. CLO2 - Menghasilkan benda kerja menggunakan peralatan tangan, penandaan, pengukuran dan mesin kuasa dengan prosedur yang betul. (P3, PLO2)
3. CLO3 - Mengamalkan budaya pembelajaran sepanjang hayat semasa melakukan kerja di bengkel. (A2, PLO6)

KANDUNGAN KURSUS

TOPIC	KANDUNGAN KURSUS	CLO	KAEDAH PENTAKSIRAN
TEKNOLOGI WORKSYOP	1.0 Keselamatan dan Pengendalian Bengkel 2.0 Peralatan Tangan 3.0 Peralatan Bengkel 4.0 Kerja Menggegas	1 2 3	TUGASAN 1,2 KERJA AMALI 1,2 KERJA AMALI 3



1 : KESELAMATAN PENGENDALIAN BENGKEL

1. PENGENALAN

- Keselamatan boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan selamat ataupun terhindar daripada sebarang bahaya dan bencana.
- Menurut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 (OSHA-Occupational Safety and Health Act 1994), keselamatan dan kesihatan pekerja di bengkel dibahagikan kepada 3 kategori iaitu:

1. Keselamatan diri sendiri.
2. Keselamatan peralatan dan mesin
3. Keselamatan tempat kerja

1.1.1 KESELAMATAN DIRI SENDIRI

- Penggunaan alat pelindung diri (*Personel Protective Equipment*-PPE) adalah kelengkapan yang diperlukan untuk memberikan perlindungan kepada pemakainya daripada bahaya yang mungkin dihadapinya.



Pakaian:

Ia diperbuat daripada fabrik dan melindungi badan pemakai daripada benda-benda tajam, kasar dan berat.



Baju Keselamatan



Coverall

Sarung Tangan:

Diperbuat daripada kulit, fabrik atau getah dan digunakan untuk melindungi daripada haba, asid, benda-benda tajam, kasar, berat dana bahaya.






Cermin mata keselamatan (*Goggle*):

Digunakan untuk melindungi muka dan mata. Pemilihan jenis goggle berdasarkan kepada keselesaan pemakai dan jenis yang dilakukan.





safety glasses





Welding helmets


Penutup Telinga:

Berfungsi untuk menutup keseluruhan cuping atau lubang telinga bagi mencegah kehilangan pendengaran akibat dari bunyi yang sangat bising.






Ear plug *Ear muff*



Kasut keselamatan:

Melindungi kaki daripada benda yang tajam atau dari tergelincir. Diperbuat daripada getah, kain, kulit dan diperkukuhkan dengan logam.







Topi keselamatan:

Melindungi kepala dari kecederaan akibat objek jatuh, hentakan atau bahaya lain di tempat kerja terutama di tapak pembinaan.



1.1.1.1 SIKAP

Keselamatan adalah satu langkah terkawal yang bersistematik bagi mencegah berlakunya kemalangan. Antara langkah-langkah keselamatan dan peraturan yang perlu di amalkan iaitu:

Sebelum

- Elakkan memakai pakaian yang longgar dan aksesori yang labuh.
- Memakai kasut yang sesuai untuk mengelakkan kemalangan.
- Mematuhi peraturan pemakaian yang telah ditetapkan bagi menjamin keselamatan.
- Ikat rambut dengan kemas dan pakai skaf.
- Pastikan tangan kering apabila memetik suis elektrik.
- Kawasan lantai bengkel tidak berminyak.
- Prihatin terhadap tanda amaran dan kawasan larangan.
- Tidak membawa makanan dan minuman ke dalam bengkel.
- Membaca manual mesin dengan teliti.

Semasa

- Tidak bergurau atau bermain ketika mengendalikan mesin.
- Berhati-hati semasa mengendalikan alatan dan mesin.
- Matikan suis kecemasan sekiranya berlaku kemalangan.
- Mendengar setiap arahan yang diberikan oleh pensyarah.
- Maklumkan kepada pensyarah sekiranya berlaku kerosakan.

Selepas

- Bahan yang mudah terbakar serta bahan kimia hendaklah disimpan di bilik khas.
- Simpan semua peralatan di tempat yang betul.
- Tutup semua peralatan yang menggunakan kuasa elektrik.
- Bengkel dibersihkan daripada sebarang sisa-sisa buangan samada sisa pepejal atau cecair.
- Tutup Semua pintu dan tingkap sebelum keluar dari bengkel.

1.1.2 KESELAMATAN PERALATAN DAN MESIN

- Sebarang penggunaan alatan dan mesin perlu mendapat kebenaran pensyarah.
- Tahu menggunakan peralatan dan mesin.
- Pastikan peralatan dan mesin dalam keadaan yang selamat sebelum digunakan.
- Peralatan dan mesin perlu dibersihkan dan diletakkan semula ke tempat asal.
- Laporkan kepada pensyarah jika terdapat sebarang kerosakan atau kehilangan.





1.1.3 KESELAMATAN TEMPAT KERJA

- Sentiasa mematuhi arahan pensyarah dan berhati-hati dalam setiap kerja yang dilakukan.
- Jangan biarkan peralatan bersepah di Kawasan kerja dan lantai.
- Semua suis elektrik perlu ditutup sebelum meninggalkan bengkel.
- Tempat kerja mestilah sentiasa bersih dan kemas.





1.2 PUNCA KEMALANGAN

Kemalangan boleh berlaku dimana-mana sahaja. Namun kemalangan ini tidak berlaku dengan sendirinya tetapi mesti daripada puncanya. Malah kebanyakkan kemalangan yang berlaku boleh dicegah jika kita mengambil langkah-langkah yang sepatutnya. Punca kemalangan boleh dibahagikan kepada tiga sumber seperti di bawah.



1.2.1 FAKTOR FIZIKAL

- Pendawaian elektrik – melebihi 40 tahun dan mengalami kecacatan pendawaian.
- Persekitaran – tumpahan minyak, basah, licin dan berselerak.

Kebisingan – gangguan tahap kebisingan yang tinggi

- Peralatan dan mesin – susun atur tidak sesuai/ mesin lama dan tidak diservis.







1.2.2 FAKTOR KEMANUSIAAN



- Kecuian – kurang tumpuan kepada kerja.
- Kurang kemampuan – memaksa diri melakukan kerja.
- Kurang pengetahuan – tiada latihan.
- Disiplin – bergurau sambal bekerja.
- Kesihatan – sakit, letih, mengantuk dan sebagainya.
- Emosi – perasaan takut, benci, marah dan sebagainya.

1.2.3 FAKTOR PENTADBIRAN

- Peraturan – pentadbir tidak menguatkuasakan peraturan yang telah sedia ada.
- Latihan – tidak ada latihan berkaitan dengan pencegahan kemalangan.
- Sikap pentadbir – sikap ambil jalan mudah.

1.3.0 BAHAYA ELEKTRIK

Elektrik adalah satu bentuk tenaga yang terhasil daripada pergerakan zarah bercas, biasanya electron. Boleh wujud samada arus terus (DC) atau arus ulang alik (AC).

- Punca kemalangan elektrik
  - Punca semulajadi (kilat, gempa bumi, banjir)
  - Peralatan (kerosakan peralatan, kekurangan pembumian)
  - Tindakan manusia (pendawaian tanpa kebenaran)


Kebakaran – satu tindak balas kimia bila bahan boleh terbakar dan oksigen menyentuh punca haba.



- Kategori Kebakaran

KELAS A	Berpunca daripada bahan-bahan biasa yang mudah terbakar seperti kayu , kertas , perabot dan lain-lain.
KELAS B	Berpunca daripada bahan-bahan cecair.
KELAS C	Berpunca daripada peralatan elektrik.
KELAS D	Berpunca daripada gas yang melibatkan kebakaran.

1.3.1 JENIS-JENIS ALAT PEMADAM API

- Pancuran air (paip hos).
  - Alat ini adalah sesuai untuk pencegahan api dari 
  - Alat ini mengandungi 25-40 meter salur getah bagi membekalkan tekanan air untuk meredakan kebakaran.
- Alat pemadam api mengikut kelas.



- **Langkah-langkah pencegahan kebakaran:**

1. Bahan yang mudah terbakar hendaklah disimpan di tempat yang selamat.
2. Alat pemadam kebakaran dari jenis yang baik hendaklah diletakkan di tempat yang mudah untuk mengendalikannya.
3. Pemadam api hendaklah diletakkan pada dinding dengan ketinggian yang sesuai.
4. Pastikan kelengkapan pemadam api tidak terlindung daripada pengalihatan.
5. Gunakan pakaian dan alat-alat yang memmpunyai kketahanan haba.
6. Lakukan latihan mencegah kebakaran untuk mempersiapkan diri jika berlaku kebakaran.

1.3.2 PERTOLONGAN CEMAS

Pertolongan cemas adalah rawatan atau bantuan awal yang diberikan di tempat kejadian kepada mangsa kemalangan yang memerlukan bantuan segera, sebelum dihantar ke klinik atau Hospital.

- Matlamat utama/Tujuan:
- Menyelamat nyawa.
- Mengelak mangsa cedera lebih serius.
- Mengurangkan kesakitan.
- Sebagai persediaan sebelum diambil alih oleh doctor.



- Peti pertolongan cemas (*first Aid Kit*)-Peralatan





1)	Termometer	11)	Kain Kapas
2)	Mangkuk Enamel	12)	Pin Semat
3)	Ubat Cium	13)	Elastoplast
4)	Asprin	14)	Ubat Luka
5)	Panadol	15)	Papan Tuap
6)	Ubat Melepuh	16)	Kain Segitiga
7)	Kain Pembalut Luka	17)	Ubat Cuci Mata
8)	Kain Tekap	18)	Pembalut Berelastik
9)	Kapas	19)	Pembalut Pembebat
10)	Gunting	20)	Pembalut Terbuka
		21)	Adesif Lekat Sendiri

- Langkah-langkah merawat kecederaan ringan




- Jenis-jenis rawatan kecemasan

1. **Rawatan balutan** : Pembebatan digunakan untuk menutup luka dan mengawal pendarahan manakala pembalut digunakan untuk membantupembebatan.



Pembebatan



Pembalut

a. Pembalut tiga segi
b. Pembalut lebar
c. Pembalut kecil
d. Pembalut gulung

2. **Rawatan senggatan haiwan berbisa** : Rawatan sengatan haiwan berbisa bergantung kepada jenis haiwan dan tahap keterukan sengatan. Langkah awal yang penting adalah untuk menenangkan mangsa, membersihkan luka dengan air dan sabun, dan membalut luka dengan kain bersih. Jika sengatan melibatkan haiwan berbisa seperti ular, elakkan pergerakan anggota badan yang disengat untuk memperlambat penyebaran bisa, dan segera dapatkan bantuan perubatan.

3. **Rawatan kebakaran** : Rawatan kebakaran melibatkan beberapa langkah penting yang perlu diambil untuk memastikan keselamatan mangsa dan mengurangkan kesan kecederaan. Langkah-langkah ini termasuk menghentikan pembakaran, memastikan saluran pernafasan mangsa terbuka, memeriksa tahap kebakaran, menyejukkan bahagian yang terbakar, menutup luka dengan kain bersih, dan mendapatkan rawatan perubatan segera.

4. **Rawatan mulut ke mulut / resusitasi kardiopulmonari (CPR)** :

CPR melibatkan melakukan mampatan dada yang meniru tindakan mengepam jantung, seterusnya mengekalkan peredaran darah ke seluruh badan. Mampatan dada yang konsisten dan mencukupi adalah penting untuk mengekalkan peredaran darah dan meningkatkan peluang untuk terus hidup semasa serangan jantung.



i. Pastikan Keselamatan Lokasi : Sebelum mulai, pastikan kawasan sekitar mangsa selamat untuk anda dan mangsa.

ii. Periksa Respons mangsa : Panggil nama mangsa sambil menepuk bahunya dengan tegas. Jika tidak ada respons, cubit dengan keras.

iii. Periksa Nafas dan Denyut Jantung : Lihat gerakan dada mangsa dan periksa denyut jantung mangsa dengan menggunakan 2 jari telunjuk dan tengah anda pada bawah tulang rahang mangsa. Jika tidak bernafas dan tidak ada nadi, segera hubungi 999.

iv. Lakukan Kompresi Dada (Hand-Only CPR) : Langkah-langkah CPR

- Baringkan mangsa di permukaan datar dan keras.
- Berlutut di samping mangsa.
- Letakkan satu telapak tangan di tengah dada mangsa (1/3 bawah tulang dada), tangan lain di atasnya.
- Luruskan siku, gunakan berat badan Anda, dan lakukan kompresi dada dengan kedalaman 5 - 6 cm (untuk dewasa).

- Lakukan dengan laju 100-120 kompresi per minit (ingat: *push hard, push fast!*).
- Pastikan dada kembali ke posisi semula setiap kali (*full recoil*), jangan bertumpu di atas dada antara kompresi.

v. Gunakan AED *(Automated External Defibrillator)* Jika Tersedia

- Jika ada AED, segera gunakan. Ikuti instruksi suara dan visual dari alat untuk meningkatkan peluang hidup mangsa.

1.4.0 PENGELOLAAN BENGKEL



TUJUAN PENGURUSAN BENGKEL SEPERTI BERIKUT:

Mengelakkan pembaziran masa, tenaga serta menjimatkan wang.


- ❖ Mewujudkan keselamatan bengkel, alatan & bahan.
- ❖ Mewujudkan suasana pengajaran & pembelajaran yang berkesan, sekaligus mewujudkan suasana bengkel yang kondusif.
- ❖ Menghasilkan produk yang lebih berkualiti.
- ❖ Mengelakkan daripada berlakunya kemalangan.
- ❖ Mengurangkan kos pengeluaran & pembaziran.
- ❖ Menjimatkan masa bekerja.

CIRI-CIRI BENGKEL YANG SELAMAT:

- ❖ Peraturan Keselamatan bengkel.
- ❖ Carta organisasi.
- ❖ Bangunan & pendawaian elektrik yang selamat.
- ❖ Mempunyai cahaya yang cukup.

- Berkunci dan bergrill.
- Alat pemadam api yang berfungsi.
- Kotak pertolongan cemas yang lengkap.
- Susun atur perabot yang sesuai dan teratur.
- Peredaran udara yang baik.
- Pelan kecemasan.

STRUKTUR ORGANISASI BENGKEL



TUJUAN ORGANISASI BENGKEL :

- Memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna semasa berada di dalam bengkel.
- Membantu penyelia bagi memastikan bengkel berada dalam keadaan teratur dan kemas.
- Melatih sifat kerjasama dan bertanggungjawab.



2 : PERALATAN TANGAN

2.1 PENGENALAN

Peralatan tangan di bengkel ialah alatan asas yang dikendalikan menggunakan tenaga fizikal manusia untuk memotong, mengukur, menanda, memutar, dan mengapit bahan kerja. Antara peralatan utama termasuklah pembaris keluli, sesiku L, gergaji puting, pemutar skru, dan apit G, yang berfungsi penting dalam memastikan ketepatan dan keselamatan projek.

Berikut adalah tujuan utama penggunaan peralatan tangan:

- **Mempermudah dan Mempercepat Kerja:** Peralatan tangan membolehkan tugas-tugas
- fizikal seperti mengetatkan skru, memotong kayu, atau membuka komponen dilakukan dengan lebih mudah dan cepat berbanding tanpa alat.
- **Ketepatan (Presisi) dan Kawalan:** Alat tangan seperti angkup vernier, pembaris keluli, atau pahat memberikan ketepatan tinggi yang seringkali tidak dapat dicapai oleh mesin kuasa.
- **Keupayaan di Ruang Terhad:** Kebanyakan peralatan tangan mudah dibawa dan sangat berguna dalam situasi di mana alat berkuasa besar tidak dapat digunakan atau di tempat yang sempit.
- **Keselamatan:** Penggunaan alat tangan yang betul dan sesuai mengurangkan risiko kecederaan akibat kerosakan mesin.
- **Serbaguna:** Alat tangan asas (pemutar skru, tang, tukul, gergaji) meliputi pelbagai aplikasi daripada penyelenggaraan rumah hingga pembinaan.
- Penyambungan Bahan: Membantu dalam proses mencantumkan dua atau lebih bahan, seperti penggunaan tukul untuk memaku atau kacip (clamp) untuk memegang bahan semasa proses gam.

2.2 Jenis-Jenis Peralatan Tangan



Peralatan tangan secara umumnya dikategorikan mengikut fungsi utamanya dalam sesuatu kerja pertukangan, mekanik, atau elektrik. Berikut adalah jenis-jenis utama peralatan tangan:

Alat Menanda dan Mengukur:

1. **Pita Pengukur: Menyukat dan menanda jarak.**



2. **Pembaris Keluli:** Pembaris keluli ialah alat tangan asas yang digunakan untuk mengukur jarak, memindahkan ukuran, membina garisan lurus, dan menguji kerataan permukaan kerja. Ia sangat penting dalam kerja pertukangan, reka bentuk, dan bengkel kerana ketepatannya dalam menanda serta kemampuannya mengukur panjang yang pendek hingga sederhana.



3. **Sesiku L**: Sesiku L ialah alat pengukuran dan penandaan penting yang digunakan terutamanya untuk menguji serta memastikan kepersegian (sudut 90^0) pada kayu atau bahan lain. Ia membolehkan pengguna menyemak kerataan permukaan, melukis garisan bersudut tepat (serenjang), serta membuat garisan selari dengan jitu.



4. **Angkup Vernier**: digunakan untuk mengukur ketebalan atau diameter luar, diameter dalam dan kedalaman suatu objek. Bahagian terkecil bacaan angkup vernier ialah 0.01 cm atau 0.1 mm.



5. **Mikrometer**: adalah alat ukur presisi tinggi yang digunakan dalam kejuruteraan dan pemesinan untuk mengukur dimensi kecil—seperti diameter luar, ketebalan, dan kedalaman—dengan ketelitian hingga 0.01 mm atau lebih.



Jenis-Jenis Mikrometer

i. Mikrometer Luar (Outside Micrometer): Mengukur dimensi luar.
ii. Mikrometer Dalam (Inside Micrometer): Mengukur diameter lubang.
iii. Mikrometer Kedalaman (Depth Micrometer): Mengukur kedalaman lubang atau slot.

Penjagaan:

i. Jangan menjatuhkan alat.
ii. Bersihkan sebelum dan selepas digunakan.
iii. Simpan di dalam kotak penyimpanan.
iv. Jangan mengukur objek yang sedang berputar.

6. **Angkup (luar/dalam/spring)**: alat pengukur jitu yang digunakan dalam kerja logam dan kejuruteraan untuk mengukur dimensi fizikal. Angkup luar mengukur ketebalan atau

diameter luar, manakala angkup dalam mengukur diameter lubang atau kelebaran slot.



Jenis-jenis Angkup:

i. Angkup Luar (Outside Caliper): Digunakan untuk mengukur diameter luar, ketebalan, dan dimensi luar benda kerja, termasuk permukaan bulat atau rata.

ii. Angkup Dalam (Inside Caliper): Digunakan untuk mengukur diameter dalaman silinder, lubang, atau lebar alur.

iii. Angkup Spring (Spring Caliper): Merujuk kepada mekanisma pelarasan yang menggunakan spring dan nat pelaras untuk tetapan ukuran yang lebih halus dan konsisten.

7. **Penggarit (Scriber)**: alat tangan yang digunakan dalam kerja logam dan kejuruteraan untuk menanda atau membuat garisan halus di atas permukaan bahan kerja, terutamanya logam.



Kegunaan & Cara Penggunaan

i. Menanda: Digunakan untuk melukis garisan panduan sebelum proses pemotongan atau penggerudian dilakukan.

ii. Ketepatan: Memberikan garisan yang lebih nipis dan tepat berbanding kapur atau pensel, yang sangat penting dalam kerja-kerja mekanikal presisi.

iii. Teknik: Semasa menggunakannya, penggarit hendaklah dicondongkan sedikit menjauhi pembaris atau sesiku supaya hujungnya rapat dengan tepi alat panduan tersebut bagi

menghasilkan garisan yang tepat.

8. **Penebuk Pusat (Center Punch)**: Penebuk Pusat (Center Punch) ialah alat tangan mekanikal yang digunakan dalam kerja logam, kayu, dan plastik untuk membuat lekukan kecil (indentation) atau tanda titik tengah pada bahan kerja.





Fungsi Utama

i. Menanda Pusat Lubang: Menanda pusat bulatan sebelum kerja mengerudi untuk memastikan ketepatan.

ii. Mencegah Mata Gerudi "Wander": Membantu mata gerudi bermula pada titik yang betul.

iii. Menanda Titik Permulaan: Digunakan pada bahan seperti logam, kayu, dan plastik.

Ciri-ciri dan Jenis

i. Bentuk: Batang keluli dengan hujung kon yang dikeraskan (biasanya sudut 90 darjah).

ii. Penebuk Pusat Manual: Perlu diketuk dengan tukul (ball-peen hammer) untuk menghasilkan kesan lekukan.

iii. Penebuk Pusat Automatik: Dilengkapi dengan mekanisme spring dalaman yang menghasilkan impak apabila ditekan pada bahan kerja, tanpa memerlukan tukul.

Kekuatan impak sering boleh dilaraskan.

iv. Bahan: Diperbuat daripada keluli berkualiti tinggi atau keluli karbon yang tahan lasak.

Fungsi Utama

i. Menanda Pusat Lubang: Menanda pusat bulatan sebelum kerja mengerudi untuk memastikan ketepatan.

ii. Mencegah Mata Gerudi "Wander": Membantu mata gerudi bermula pada titik yang betul.


iii. Menanda Titik Permulaan: Digunakan pada bahan seperti logam, kayu, dan plastik.

Alat Memotong dan Membentuk:

1. **Gergaji Besi:** Gergaji besi (*hacksaw*) berfungsi utama untuk memotong benda kerja berbahan logam seperti besi, keluli, dan paip. Ia mempunyai bilah mata yang halus, rapat, dan tajam, menjadikannya sesuai untuk memotong material keras dengan tepat. Selain logam, ia juga digunakan untuk memotong paip PVC dan komponen plastik.





Bahagian-Bahagian Gergaji Besi



NAT PELARAS

Nat pelaras membolehkan mata gergaji yang panjangnya berlainan dipegang pada bingkai. Ketegangan mata gergaji itu boleh dilaraskan dengan nat berkepak





Diperbuat daripada keluli berkarbon tinggi, keluli tahan lasak, keluli aloy tungsten dan keluli aloi molidenum. Pemilihan mata gergaji tertakluk kepada jenis bahan yang hendak di potong dan ketebalan logam. Mata gergaji yang diperbuat daripada keluli tahan lasak lebih ekonomik dan tidak cepat haus jika dibandingkan dengan yang lain.

SAIZ MATA GERGAJI

Panjang mata gergaji ialah antara 250mm hingga 300mm untuk gergaji tangan. Jadual dibawah menunjukkan kesesuaian dan jarak gigi(mata) gergaji untuk memotong bahan tertentu.

Bahan yang hendak dipotong	Jarak gigi (mm)	Lebar gigi(mm)	Tebal gigi(mm)
Keluli lembut	1.8	13-16	0.63-0.80
Besi tuang	1.4	13	0.63
Tembaga paip	1.2	13	0.63
Kepingan logam	0.8	13	0.63

PENJAGAAN GERGAJI BESI

Mata gergaji akan mudah patah sekiranya tidak mengamalkan langkah-langkah penjagaan yang sewajarnya. Untuk itu, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

i. Pilih mata gergaji yang sesuai untuk logam yang tertentu

ii. Logam yang hendak dipotong hendaklah di pegang dengan kuat.

iii. Gunakan mata boleh lentur pada bahagian-bahagian yang rumit.

iv. Kelajuan memotong mestilah sesuai. Kelajuan pemotongan yang salah boleh menyebabkan mata gergaji patah.

v. Semasa mengergaji tekanan pada benda kerja mestilah sesuai dengan bahan yang dipotong. Mata gergaji boleh patah jika tekanan terlalu kuat digunakan semasa memotong.


vi. Semasa memasang mata gergaji tegangkan mata gergaji dengan betul, jangan terlalu tegang atau terlalu kendur, tegangan yang salah boleh juga menyebabkan mata gergaji

patah.

2. **Pahat :** alat pertukangan bermata tajam (biasanya keluli) yang digunakan untuk memotong, mengukir, atau melubangi bahan keras seperti kayu, batu, atau logam. Apabila hendak memahat sesuatu bahan sudut-sudut yang berikut perlu diberi perhatian supaya kerja tersebut dapaat dilakukan dengan berkesan. Sudutpahat dipegang antara 35% hingga 40%. Jika keluar daripada lingkungan tersebut pemotongan tidak akan sempurna. Sudut pemotongan mata pahat bergantung kepada kekerasan bahan yang hendak dipotong.

LOGAM	SUDUT
Keluli	70%
Besi tuangan	60%
Keluli serderhana	60%-70%
Loyang	45%-60%
Tembaga	45%
Aluminium	30%

Jadual : Sudut mata pahat




Rajah1: BAHAGIAN PAHAT

Jenis-Jenis Pahat


i. Pahat rata

Mata pahat rata berbentuk lebar dan nipis. Pahat jenis ini digunakan bagi menarah bendakerja atau memotong logam.




ii) Pahat Rata Lintang

Bentuk mata pahat jenis ini tirus dan kecil dibahagian hujungnya. Pahat jenis ini digunakan bagi memotong lurah, alur atau memahat tatal yang tebal sebelum pahat rata digunakan.




iii) Pahat Separuh Bulat

Bentuk mata pahat ini adalah jenis separuh bulat seperti bentuk kuku kita. Pahat ini digunakan bagi membersihkan lubang, sudut yang cembung dan menebuk alur berbentuk separuh bulat.



iv) Pahat Bentuk Potongan Intan

Mata pahat jenis ini menyerupai intan, tetapi bahagian hujungnya tirus.



Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Memahat

a) Pastikan pahat yang digunakan bersesuaian dengan jenis kerja yang dilakukan.

b) Pastikan kepala pahat tidak berbentuk cendawan.

c) Pastikan mata pemotong pahat tajam.

d) Pastikan berat tukul bersesuaian dengan bendakerja.

e) Pastikan mata tukul dan kepala pahat tidak berminyak.

f) Pastikan bendakerja yang dikapit dengan ragum benar-benar kukuh.

g) Pastikan tukul dipegang dengan betul.

h) Pastikan mata tertumpu pada mata pahat sewaktu memahat.

i) Pastikan pelindung mata digunakan.

j) Pastikan pahat dipegang dengan cara yang betul sewaktu memahat.

Cara Menajamkan Mata Pahat


Mata pahat yang sering digunakan akan menjadi tumpul. Mata ini boleh ditajamkan semula dengan menggunakan mesin canai. Sewaktu mengasah mata pahat, pastikan pahat itu tidak ditekan terlalu kuat atau terlalu lama pada roda mesin pencanai. Setelah dicanai, mata pahat hendaklah dicelup kedalam minyak penyejuk bagi tujuan penyejukkan. Proses penyejukkan ini dilakukan bagi mengelakkan mata pahat kehilangan bajaannya.



Membersihkan Kepala Pahat Berbentuk Cendawan

Bahagian kepala pahat adalah lembut. Ini bertujuan untuk mengurangkan pantulan ketika diketuk. Kepala pahat yang kerap digunakan lama-kelamaan akan menjadi bentuk cendawan. Ini kerana kepala pahat terpaksa menampung berat tukul dan tenaga pemahat sewaktu kerja-kerja

memahat dilakukan. Kepala pahat yang berbentuk cendawan boleh dibersihkan dengan mesin canai



3. **Kikir :** Mengikis**,** Membentuk dan melicinkan atau mengasah benda kerja dari logam atau kayu. Tersedia dalam berbagai bentuk (rata, bulat, setengah lingkaran, segitiga).




Pengelasan Kikir

Kikir berbeza dari segi **:** Panjang, bentuk, Jenis potongan gigi dan Kasar atau Halusnya



Panjang :

Panjang kikir - diukur dari hujung hingga ke bahunya, panjangnya antara 100mm – 400mm.




Bentuk Kikir:

i. Kikir Rata (Flat File): Untuk meratakan permukaan.
ii. Kikir Bulat (Round File): Untuk memperbesar lubang atau permukaan lengkung.

iii. Kikir Setengah Lingkaran (Half-round File): Kombinasi rata dan lengkung.

iv. Kikir Segitiga (Three-square File): Untuk sudut tajam atau asah gergaji.

v. Kikir Jarum (Needle File): Berukuran kecil untuk pekerjaan presisi (mini).







Kikir Jarum

Bahan: Umumnya dibuat dari baja karbon tinggi agar awet dan mampu mengikis material keras.


Jenis Potongan Gigi

i. Gigi selari

ii. Gigi bersilang

iii. Gigi lengkong

iv. Gigi Parut



Gred mata kikir ditentukan oleh kekasaran dan bilangan gigi per inci, yang menentukan kadar pembuangan bahan dan kemasan permukaan. Berikut adalah gred mata kikir dari yang paling kasar

hingga paling halus:

i. **Kasar (Rough/Coarse):** Mempunyai gigi paling sedikit dan jarang, digunakan untuk membuang bahan dengan cepat dalam kerja berat.

ii. **Bastard (Sederhana):** Gred sederhana yang digunakan untuk meratakan permukaan dengan pantas tetapi meninggalkan kemasan yang agak kasar.

iii. **Potongan Kedua (Second Cut):** Lebih halus daripada *bastard*, digunakan untuk melicin permukaan dan kerja-kerja kemasan am.


iv. **Halus (Smooth/Dead Smooth):** Mempunyai gigi yang sangat rapat, digunakan untuk kemasan akhir, menghaluskan permukaan, dan kerja-kerja ketepatan.

	PANJANG KIKIR (MM)						
GRED	100	150	200	250	300	350	400
KASAR	18	13	11	10	9	8	7
SEDERHANA	21	17	16	15	14	13	12
HALUS	30	24	22	20	19	18	16

Jadual di bawah menunjukkan bilangan gigi pada kikir yang dikira pada jarak 1 cm


Untuk menghasilkan sesuatu kerja dengan tepat, cepat dengan permukaan yang licin pemilihan kikir mestilah dibuat dengan cermat. Kikir yang biasa digunakan didalam bengkel kejuruteraan :

1. Kikir pipih tirus : Kegunaan nya untuk kerja am. Giginya terdiri dari kasar, serderhana, halus dan sangat halus. Pada satu permukaan kikir, giginya dipotong bersilang intan dan terdapat gigi lurus dikedua-dua tepi kikir Dua pertiga panjangnya dari pangkal berbentuk selari dan satu pertiga panjangnya ke hujung berbentuk tirus




2. Kikir pipih kasar : Digunakan untuk penyudahan rata.Salah satu daripada tepinya tidak ada gigi dan di sebut sebagai ***tepi selamat*** Tepi selamat digunakan semasa mengikir penjuru

dalam. Gred gigi kikir ini terdiri dari kasar hingga tersangat halus



3. Kikir belah rotan : Digunakan untuk meyudahkan bahagian-bahagian yang telah siap.. Gigi pada permukaan rata bentuk silang wajik dan gigi pada permukaan melengkong berbentuk silang. Gred gigi kikir ini terdiri dari kasar, halus dan sangat halus




4. Kikir bulat : Kikir ini juga disebut kikir ekor tikus digunakan untuk membesarkan lubang yang berbentuk bulat dan melengkong. Gred gigi kikir ini terdiri dari kasar hingga sangat halus



5. Kikir segiempat sama : Digunakan untuk membesarkan lubang segiempatsama secara kasar. Kikir ini boleh mengikir lurah atau alur. Gred gigi kikir ini terdiri dari kasar dan sangat halus



6. Kikir segitiga : Kikir ini digunakan untuk mengikir segitiga yang tajam. Ianya digunakan juga untuk membersihkan penjuru yang bersudut. Giginya bersilang dan terdapat dalam gred kasar hingga sangat halus.



7. Kikir pipih nipis : Digunakan untuk mengikir di celah-celah yang nipis saperti untuk memotong celah alur kunci. Tirus dihujung, tebalnya sama pada keseluruhan panjangnya.

Kikir ini terdapat pada panjang yang terhad iaitu 100mm, 150mm dan 200mm.



